

MAHATHIR - RTM

1982

KUALA LUMPUR, 12 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMPERTAHANKAN KEPUTUSAN RTM MEMBENARKAN PENGGUNAAN BAHASA-BAHASA CHINA DAN TAMIL DALAM HEBAHAN RANCANGAN RADIO MELALUI RANGKAIAN HIJAU DAN MERAH.

KATANYA, LANGKAH TERSEBUT DIAMBIL SETELAH DIFIKIRKAN SECARA MENDALAM DEMI MEMELIHARA KEMURNIAN BAHASA MALAYSIA ITU SENDIRI SELARAS DENGAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN NEGARA INI.

PERDANA MENTERI MEMDUAT PENJELASAN INI DI AKHIR PERHIMPUNAN AGUNG KE-33 UMNO DI SINI.

SEPANJANG PERHIMPUNAN AGUNG ITU YANG BERMULA JUMAAT LALU, ISU PENGGUNAAN BAHASA BUKAN BAHASA MALAYSIA DI RTM ITU TELAH MENJADI ISU YANG HANGAT DIBAHASKAN OLEH SEBAHAGIAN BESAR PARA PERWAKILAN.

KEBANYAKAN DARIPADA MEREKA MENYALAHKAN MENTERI PENERANGAN ENCICK ADIB HAJI ADAM BERTHUBUNG DENGAN BEBERAPA KENYATAAN YANG DIBUATNYA MENGENAI PERKARA BAHASA DI RTM ITU BARU-BARU INI.

-- LAGI 1535/NK

MAHATHIR - RTM 2 KUALA LUMPUR

ENCICK ADIB YANG MULA-MULA BANGUN UNTUK MENJAWAB HUJAH-HUJAH YANG DIBANGKITKAN PAGI TADI, TERPAKSA MEMENDEKKAN UCAPANNYA KERANA HUJAH-HUJAHNYA KETARA TIDAK DAPAT DITERIMA OLEH PARA PERWAKILAN.

BILA SAMPAI GILIRANNYA UNTUK MENJAWAB, PERDANA MENTERI MENERANGKAN BELIAU TERPAKSA MEMBUAT PENJELASAN LANJUT MENGENAI PERKARA ITU KERANA ENCICK ADIB TELAH +TERPAKSA DUDUK+ SETELAH DIJERIT-JERTKAN.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA DALAM KEADAAN SEKARANG, RTM TIDAK DAPAT MENERUSKAN PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN DALAM HEBAHAN RANCANGANNYA DI RANGKAIAN-RANGKAIN HIJAU DAN MERAH.

SAMBIL MENSIFATKAN BAHASA KEBANGSAAN YANG DIGUNAKAN DALAM RANGKAIAN-RANGKAIAN BERKENAAN SEBAGAI BAHASA +CARCA MERBA+ ATAU +ROJAK+, BELIAU MENEGASKAN JIKA PENGGUNAAN BAHASA DEMIKIAN DIBIARKAN BETERUSAN, SUDAH TENTU IA AKAN MEROSAKKAN KEMURNIAN BAHASA MALAYSIA ITU SENDIRI. -- LAGI 1605/MB

MAHATHIR-RTM 3 KUALA LUMPUR

BELIAU LALU MEMAINKAN PITA RAKAMAN SALAH SEBUAH RANCANGAN LAGU PERMINTAAN YANG DISIARKAN MELALUI RANGKAIAN HIJAU (BAHASA CINA) DAN MEMINTA PARA PERWAKILAN MENTERJEMAHKANNYA KE DALAM BAHASA MALAYSIA.

SUASANA DEWAN YANG TADINYA RIUHRENDAH MENJADI HENING SEMASA RAKAMAN ITU DISIARKAN MELALUI PEMBESAR SUARA.

SEORANG JURUHEBAH WANITA KEDENGARAN MEMBUAT HEBAHAN DALAM BAHASA MALAYSIA YANG KURANG JELAS.

YANG JELAS IALAH BAHASA ITU DILAFAZKAN DALAM LENGANG-LENGGUK ALA-TIONGHUA DENGAN NAMA-NAMA LAGU, UCAPAN-UCAPAN SELAMAT DAN NAMA-NAMA PENYANYI YANG BUKAN DALAM BAHASA MALAYSIA.

SETELAH RAKAMAN ITU SELESAI DIMAINKAN, PERDANA MENTERI MEMINTA PARA PERWAKILAN YANG MEMAHAMI BAHASA ITU MENGANGKAT TANGAN Masing-masing.

TIDAK SEORANG PUN KELIHATAN MENGANGKAT TANGAN.

BELIAU LALU MENEGASKAN: "INILAH YANG SAYA MAKSUDKAN BAHASA CARCA MARBA ATAU BAHASA YANG DIKAHWINKAN TANPA IZIN TADI" DISAMBUT DENGAN KETAWA TERBAHAK-BAHAK DARI PARA PERWAKILAN. -- LAGI

MAHATHIR-RTM 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGAKUI BAHAWA BAHASA MALAYSIA YANG DIGUNAKAN DI NEGARA INI SEKARANG JUGA BUKAN BAHASA MELAYU ASLI.

"IA JUGA MERUPAKAN BAHASA YANG DIKAHWINKAN DENGAN BAHASA-BAHASA ARAB, SANSKRIT, INGGERIS, PERANCIS DAN SEBAGAINYA. TETAPI PERKAHWINAN INI PERKAHWINAN YANG DIIZINKAN," KATANYA DISAMBUT DENGAN KETAWA YANG LEBIH MEMANJANG.

DAN DENGAN KETAWA YANG PANJANG ITU, ISU BAHASA ITU DITINGGALKAN OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR SAMBIL BELIAU MENGULAS PERKARA-PERKARALAIN PULA. -- BERNAMA 1635/AZ